

Keadaan Dr. M bertambah baik

UM - 17/5/2007

KUALA LUMPUR 16 Mei - Keadaan Tun Dr. Mahathir Mohamad terus menunjukkan respons positif terhadap rawatan yang diterima di Institut Jantung Negara (IJN) di sini.

IJN dalam satu kenyataan di sini berkata, selepas dimasukkan ke IJN semalam, keadaan bekas perdana menteri itu stabil sepanjang malam, dan doktor yang merawatnya berpuas hati dengan respons positif beliau terhadap rawatan yang diberikan.

Menurutnya Dr. Mahathir dijadualkan menjalani pemeriksaan rutin serta fisioterapi dada hari ini, dan beliau dijangka akan ditempatkan di Unit Rawatan Koronari (CCU) untuk meneruskan rawatan pemantauan.

Isnin lalu Dr. Mahathir dimasukkan ke Hospital Langkawi selepas mengadu mengalami kesukaran bernafas, dan beliau dipindahkan ke IJN semalam.

"Para doktor turut menasihatkan Dr. Mahathir supaya tidak menerima pelawat, selain daripada anggota keluarga yang rapat," menurut kenyataan itu.

Antara yang melawat Dr. Mahathir hari ini ialah wartawan veteran Datuk A Kadir Jasin, dan Toh Puan Ena Ling, isteri kepada bekas Menteri Pengangkutan Tun Dr. Ling Liong Sik.

- Bernama